

INTERPRETASI TEKS: SUBJEKTIVITI BERBANDING DENGAN OBJEKTIVITI

Mohammad Fadzeli Jaafar

Abstrak

Aspek subjektiviti dan objektiviti menjadi salah satu persoalan yang penting dalam analisis sesuatu teks sastera, khususnya puisi. Ahli stilistik mendakwa bahawa analisis teks sastera seharusnya bersifat objektif, dan dengan itu, dapatlah dibezakan daripada kritikan sastera (Thorndorow dan Wareing, 1998: 4–5). Sementara ahli sastera pula percaya bahawa analisis sesebuah teks sastera masih dibayangi oleh unsur subjektiviti, dan dengan itu, aspek objektiviti sangat sukar dicapai. Oleh itu, persoalan antara kedua-dua aspek ini memerlukan perbincangan yang lanjut agar dapat difahami dengan lebih wajar, dan dapat pula dibezakan antara beberapa bidang ilmu yang menjadikan teks sastera sebagai bahan kajian: Kritikan sastera, linguistik, dan stilistik. Kaitan daripada persoalan yang diutarakan, makalah ini akan menumpukan perbincangannya pada persoalan interpretasi, subjektiviti, dan objektiviti dalam analisis stilistik.

Abstract

Matters of subjectivity and objectivity have become a prime concern in texts analysis, particularly poetry. On one hand, stylisticians claim that texts analysing should be objective, in order to emphasize the contrast between stylistics and its precursor, literary criticism (Thorndorow & Wareing, 1998: 4–5). On the other hand, literary critics believe that the study of literary texts is influenced by subjectivity, thus objectivity is almost impossible to achieve. The questions of both these aspects, thus need to be further discussed, so that one can understand them better, since each party (i.e., literary critics, linguistics and stylistics) uses similar texts - literary texts. Thus, the fundamental

aim of this paper is to focus on the questions of interpretation, subjectivity and objectivity in terms of stylistics analysis.

PENDAHULUAN

Interpretasi sangat berkait dengan bidang kritikan sastera dan stilistik, yakni disiplin yang berorientasikan kajian terhadap kerja individu. Hal ini benar kerana kedua-dua disiplin ini mempunyai sejarah yang sama. Maksudnya, disiplin stilistik berkembang daripada ilmu kritikan sastera (sila lihat Terry Eagleton, 1988, Jefferson dan Robey, 1988, dan Thorndorow dan Wareing, 1998).¹ Walau bagaimanapun, disiplin stilistik kini telah menjadi satu bidang ilmu yang tersendiri, yang lebih memberi tumpuan terhadap kajian aspek gaya bahasa, yakni berdasarkan maklumat linguistik.

Dalam bidang stilistik, interpretasi berasal daripada analisis formal dan bentuk semantik yang memimpin penilaian terhadap penemuan/dapatan yang signifikan bagi interpretasi makna teks secara keseluruhan (Wales, 1991: 257). Interpretasi kita pada tahap ini dipandu oleh kecekapan (*competence*) kita sebagai pembaca bahan sastera, yakni pengetahuan kita tentang konvensi kesusasteraan dan juga budaya. Walau bagaimanapun, proses interpretasi bukanlah satu kerja yang mudah, tetapi kompleks dan dinamik.

Sesuatu interpretasi itu biasanya bersifat subjektif, iaitu hanya benar bagi individu yang tertentu dan mungkin tidak benar bagi individu yang lain. Sesebuah teks, khususnya puisi mungkin boleh memberikan lebih daripada satu interpretasi, mungkin kerana penggunaan diksi, ayat, tema atau bentuknya yang agak kompleks. Lantas pembaca atau penganalisis dipertanggungjawabkan untuk memberi interpretasi sebagaimana yang dimaksudkan oleh penulis atau teks tersebut. Interpretasi juga boleh memberi kesan terhadap penilaian. Jika kita menghadapi kesukaran atau tidak memahami langsung maksud yang terkandung dalam sesebuah puisi misalnya, maka penilaiannya sudah tentu tidak baik dan begitulah sebaliknya.

Interpretasi hanyalah generalisasi umum seseorang pengkaji/penganalisis teks. Sesuatu interpretasi haruslah diikuti oleh pemerian atau analisis yang sistematik agar interpretasi itu dapat diterima sebagai satu kajian yang empirik. Menurut Wales (1991: 258), interpretasi bagi takrif yang asas bermaksud pemahaman (*understanding*): Pemahaman bahasa teks dan pemahaman dari segi makna dan tema sesuatu teks. Takrif ini membayangkan bahawa interpretasi yang baik haruslah mampu memperlihatkan pemahaman dari aspek bahasa, makna, dan tema teks. Walau bagaimanapun, kita mungkin sukar menafikan bahawa dari segi pemahaman bahasa teks

tentulah berbeza interpretasi antara penutur natif dengan bukan penutur natif. Sebagai contoh, penutur natif bahasa Inggeris besar kemungkinannya mampu memberi interpretasi yang lebih baik bagi sebuah puisi Inggeris berbanding dengan penutur bahasa Melayu yang sekadar fasih berbahasa Inggeris. Penutur natif juga mampu mengemukakan makna dan tema teks tersebut secara lebih meyakinkan, yakni berdasarkan latar belakang persekitaran dan budaya yang melatari bahasa tersebut. Sesungguhnya, kesemua maklumat ini hanya diperoleh berdasarkan analisis yang sistematik. Maka, makalah ini akan mencuba mengungkapkan peranan analisis stilistik sebagai satu usaha yang murni untuk menghasilkan satu interpretasi yang boleh diterima oleh khalayak. Sekali gus, analisis stilistik memerlukan ilmu bantu bagi melaksanakan tugas yang agak berat ini, iaitu untuk menjadikan andaian yang subjektif kepada objektif. Ilmu bantu yang dimaksudkan ialah ilmu linguistik. Mengapa linguistik? Jawapan yang mudah ialah ilmu linguistik menyediakan teknik analisis stilistik yang objektif, iaitu dari segi ayat, perkataan dan bunyi bahasa. Walau bagaimanapun, hal ini bukanlah semudah menerapkan ilmu linguistik dalam analisis teks sastra. Jika hal ini dilakukan, maka hasilnya nanti ialah penerapan dan peneguhan teori linguistik dengan menjadikan teks sastra sebagai alat.² Kerja seperti ini sebenarnya tidak membantu kita menyokong interpretasi, tetapi lebih kepada pemantapan teori mengkaji bahasa, sedangkan pemahaman dan penghayatan teks sastra tidak mendapat perhatian langsung. Sebagaimana kenyataan Leech dan Short (1993: XX) bahawa "... stilistik dibina daripada linguistik, dan sebaliknya, stilistik menentang kerangka linguistik ..."

PERANAN LINGUISTIK

Penerapan ilmu linguistik dalam analisis teks sastra sering menimbulkan kontroversi, khususnya kalangan ahli sastra. Di Barat misalnya, pada sekitar tahun 1960-an, telah berlaku polemik yang serius antara Fowler dengan Bateson. Fowler berpendapat bahawa analisis teks sastra memerlukan bantuan linguistik, sementara Bateson berpendapat sebaliknya. Polemik ini telah membahagikan ilmu stilistik kepada dua subbidang, iaitu *linguistic stylistics* dan *literary stylistics*. *Linguistic stylistics* dianggap kajian yang asli dalam stilistik kerana berasal daripada kajian terhadap gaya dan variasi bahasa, yang akhirnya telah membantu perkembangan teori linguistik. Antara contoh kajian *linguistic stylistics* ialah Burton (1980, 1982) yang menerapkan model analisis wacana pertuturan yang dianjurkan oleh Sinclair dan Coulthard (1975) dalam analisisnya terhadap dialog drama, Short (1981)

yang menerapkan teori lakuan tuturan oleh Grice dan Fowler (1981, 1982) yang mengeksploitasi model Halliday dalam linguistik sistemik. Sementara *literary stylistics* pula lebih memberi perhatian terhadap pemahaman sepenuhnya terhadap teks sastera, apresiasi, dan interpretasi. Antara kajian yang pernah dilakukan ialah Leech dan Short (1981) dan Cummings dan Simmons (1983) yang secara sistematik memberi perhatian terhadap kesan yang dibawa oleh makna teks pada pelbagai tahap bahasa, dan melihat gaya individu sebagai pemusatan serentak (*simultaneous convergence*) terhadap kesan pada pelbagai tahap organisasi bahasa.³

Satu anggapan yang salah tentang linguistik ialah kononnya bidang ini mampu menyediakan teknik analisis stilistik yang objektif dan mekanis.⁴ Sebenarnya linguistik hanya mampu menyahihkan intuisi atau perasaan pembaca melalui satu analisis yang sistematik dan terperinci dan bukannya objektif. Intuisi di sini bermaksud interpretasi umum yang dianggap subjektif. Jika ini berjaya dilakukan semasa menganalisis sesuatu teks sastera, maka analisis ini boleh dianggap sebagai satu analisis stilistik yang berjaya kerana pengkaji telah berjaya meneguhkan pemahaman pembaca dengan bukti yang objektif.

Umar Junus (1989: xvii) pernah menyebut peranan linguistik dalam analisis stilistik:

“... stilistik mungkin lebih dapat difahami sebagai linguistik yang digunakan untuk mengkaji pemakaian bahasa dalam karya sastera kerana adanya ‘keistimewaan’ dalamnya. Ia menjadi satu linguistik yang khusus. Dan stilistik tidak mungkin berkembang sebagai ilmu yang mengembangkan dirinya sendiri. Ia selalu tergantung kepada ilmu lain atau bahagian daripada ilmu lain.”

Pernyataan Umar Junus sebenarnya menyokong pandangan makalah ini bahawa ilmu menganalisis teks sastera atau lebih dikenali sebagai stilistik amat memerlukan ilmu bantu bagi memantapkan lagi bidang ini dan sekali gus dapat mengukuhkan lagi sesuatu intuisi atau interpretasi pengkaji.

SUBJEKTIVITI DALAM INTERPRETASI

Terlebih dahulu kita harus memahami bahawa bahasa tulisan mempunyai interpretasi yang berbeza berbanding dengan bahasa lisan. Menurut Widdowson (1987: 242), kelebihan yang paling ketara bagi bahasa tulisan

ialah bahasa ini merupakan teks yang stabil, dan oleh itu, dapat menghuraikan atau menjelaskan masalah (interpretasi) secara cepat dengan pemprosesan yang berterusan melalui analisis semula terhadap data bahasa. Pemahaman bahasa lisan pula ditandai oleh pengenalan bunyi yang signifikan, lambang linguistik, dan dalam masa yang sama kesedaran terhadap signifikan konteks ujaran. Kedua-dua aspek pemahaman ini akan menggambarkan tahap subjektiviti interpretasi seseorang. Seorang pengkaji teks yang tidak dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis teks akan memberikan satu interpretasi yang sangat subjektif, walaupun ia berpeluang melihat data secara berterusan. Sebaliknya, bagi bahasa lisan, walaupun seseorang pengkaji itu mungkin tidak berpeluang memainkan semula sesuatu perbualan (jika tidak dirakam), ia boleh bergantung pada bunyi bahasa atau nada penutur, selain konteks ujaran tersebut.

Sebenarnya sesuatu interpretasi yang subjektif sifatnya tidak akan berlaku jika teks yang dikaji mempunyai maksud yang literal (dalam erti kata maksud teks tersebut tidak menyimpang daripada maksudnya yang biasa). Apabila seseorang penulis puisi banyak menggunakan bentuk bahasa yang menyimpang atau abnormal, maka di sinilah interpretasi pengkaji memainkan peranan yang penting bagi menentukan makna yang dimaksudkan oleh penulis teks itu.

Bagi memahami lagi konsep subjektiviti dalam interpretasi sesebuah teks puisi, penulis perturunkan contoh yang dipetik daripada pengalaman Teeuw (1992: 41) di Universiti Gajah Mada pada tahun 1978. Semasa membaca sebuah puisi yang berjudul "Z", karya Goenawan Mohamad (1971: 27), Teeuw dan pelajarnya telah menghadapi masalah menginterpretasi dua baris yang berikut:

Di bawah bulan Marly
dan pohon musim panas

Salah seorang pelajarnya telah memberi tafsiran *March* dan *July* bagi perkataan *Marly*, yakni merupakan akronim yang juga menjadi penunjuk waktu (30 hari). Malah tafsiran ini didapati bersesuaian dengan baris kedua, yakni musim panas yang kebetulan jatuh pada kedua-dua bulan tersebut. Sebaliknya bagi Teeuw, *Marly* ialah nama tempat yang berhampiran Paris, yakni hutan yang cukup terkenal bagi orang Perancis berkelah pada hujung minggu. Sementara *bulan* pula bermaksud *rembulan*. Perbezaan tafsiran ini memperlihatkan pengaruh sistem konvensi bahasa budaya atau sastera

individu terhadap interpretasi. Interpretasi pelajar tersebut boleh dianggap benar dalam konteks Indonesia, yang banyak dikuasai oleh bermacam akronim. Interpretasi Teeuw pula atas alasan pengetahuan dan pengalamannya di Paris. Contoh atau pengalaman seperti ini dipercayai sering berlaku dalam pentafsiran teks lain, yang menjadi dalil yang kuat bahawa sesuatu interpretasi itu memang bersifat subjektif.

Leech pernah membincangkan persoalan subjektiviti dalam interpretasi. Menurut Leech (1991: 59) terdapat jurang antara analisis linguistik dengan apresiasi bahan sastera yang harus diberikan pertimbangan yang wajar, yakni bilakah penyimpangan linguistik mempunyai signifikan? Bagi menjawab persoalan ini, Leech membincangkannya dalam tiga aspek. Pertama, apabila penyimpangan membawa maksud sesuatu. Signifikan bagi definisi ini, secara praktisnya, semua penyimpangan mempunyai tujuan. Maksudnya, sesuatu penyimpangan yang berlaku dalam teks dibuat dengan tujuan yang tertentu. Lantas tugas pengkaji teks sastera adalah untuk menjelaskan sesuatu penyimpangan bahasa atau kejanggalan linguistik (*linguistic abnormalities*).

Kedua, apabila penyimpangan membayangkan maksud sebenar penulis. Definisi ini bermaksud bahawa sesuatu penyimpangan itu hanya mempunyai signifikan apabila dilakukan dengan sengaja. Walau bagaimanapun, masalah utama untuk menjelaskan sesuatu penyimpangan itu ialah tujuan sebenar seseorang penulis secara praktiknya sukar ditafsir/difahami. Jika penulis itu tiada lagi di dunia ini misalnya, maka tujuan atau maksud sebenar penulis tersebut akan terkubur bersama-sama penulis. Maksud sesebuah puisi itu hanya boleh ditafsir jika penyair pernah merakamkan tujuan penyimpangannya dalam bentuk tulisan atau lisan. Malah, penyair yang masih hidup biasanya malu atau tidak cuba menjelaskan tujuannya apabila ia menulis sesebuah puisi itu. Hal ini menguatkan lagi pandangan bahawa puisi hanya difahami oleh penulisnya dan tidak boleh dijelaskan/dihuraikan secara objektif. Sekali gus, puisi akan terus bersifat subjektif dari segi interpretasinya.

Ketiga, apabila penyimpangan dianggap atau dirasakan signifikan oleh pembaca. Definisi ini sebenarnya berkait dengan persoalan yang kedua, iaitu signifikan sesebuah penyimpangan dalam puisi itu hanyalah benar pada pandangan pembaca (bersifat individu) dan mungkin tidak mempunyai signifikan pada pandangan orang lain. Persoalan ini juga menjurus kepada isu apakah kriteria/syarat yang biasanya dikenakan oleh pembaca bahawa sesebuah puisi itu dianggap mempunyai penyimpangan yang signifikan? Dalam hal ini, kita boleh berkata bahawa bukan sahaja sesuatu penyim-

pangan itu mempunyai interpretasi yang munsabah, tetapi interpretasi yang diberi itu juga merupakan persoalan yang subjektif. Setiap pembaca mempunyai interpretasi yang berbeza (atau mungkin sama) dan interpretasi antara pembaca juga mungkin tidak sama baiknya. Dalam konteks ini, interpretasi pengkaji teks sastera (yang dianggap pakar) tentunya lebih baik berbanding dengan peminat teks sastera atau orang awam dan sudah pasti juga “suara” atau interpretasi penulis teks itu yang paling baik.

OBJEKTIVITI DALAM INTERPRETASI

Mengapakah interpretasi bersifat subjektif? Dan tidak dapatkah sesuatu interpretasi itu menjadi objektif? Soalan seperti ini sukar dijawab dengan segera kerana sesuatu interpretasi itu boleh juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pendapat individu atau personaliti pengkaji. Justeru, sesuatu interpretasi itu akan menjadi terlalu peribadi sifatnya dan besar kemungkinan akan dianggap subjektif. Jika linguistik berperanan menyahih interpretasi, bolehkah hal ini dilakukan? Sedangkan ada pengkritik yang berhujah bahawa ilmu linguistik tidak sesuai digunakan untuk menganalisis sesuatu teks sastera kerana linguistik didakwa sebagai sains bahasa yang bersifat objektif (*objective science of language*). Teks sastera pula lebih bersifat subjektif dan individu. Walau bagaimanapun, pandangan seperti ini masih boleh disangkal atas alasan: Pertama berdasarkan salah tanggapan (*misconception*) tentang apa-apa yang dianggap sebagai objektif dan saintifik; dan kedua kerana memberi tumpuan yang lebih terhadap kualiti subjektif semasa membicarakan sesuatu teks sastera.

Persoalan yang pertama tentang objektiviti. Konsep objektiviti selalu dikaitkan dengan bidang sains⁵ dan ramai yang percaya bahawa bidang sains dianggap bersifat objektif kerana ahli sains mengkaji apa sahaja fenomena yang berada di depan mata mereka, lantas akhirnya mereka berjaya mencipta satu set pernyataan yang benar tentang benda yang dikaji. Hal ini menyebabkan bidang sains dianggap sangat empirik dan saintifik, sehinggakan orang lain, pada masa yang lain boleh mencuba untuk mengkaji benda yang sama, tetapi akan mendapat jawapan/dapatan yang hampir sama dengan pengkaji sebelumnya. Namun, terfikirakah kita bahawa ahli sains sebenarnya boleh juga berubah fikiran/pandangan tentang sesuatu fenomena yang telah terbukti kebenarannya, iaitu bergantung pada beberapa fakta baru yang muncul. Sebagai contoh, ahli fizik Albert Einstein, yang terkenal dengan teori relativitinya telah menyingkirkan ketentuan fizik dari Newton kerana teori Einstein didapati mampu menjelaskan lebih banyak

fenomena dan dengan cara yang lebih sistematik. Teori relativiti Einstein ini pula akan terus hidup hingga 30 tahun dan kemudiannya akan disisihkan pula.⁶ Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu yang dianggap objektif itu tidaklah benar sepanjang masa, iaitu bergantung pada pernyataan yang eskplisit, yang boleh diperhatikan dan boleh dicuba kembali.

Jika bidang sains boleh menjadi subjektif, bagaimana pula bidang sastera? Tentunya bidang sastera⁷ tidak boleh disamakan dengan bidang sains, namun bidang sastera juga mengkaji benda yang nampak (teks tulisan). Cuma yang menjadi persoalan ialah kadar interpretasi yang berbeza-beza antara pembaca. Sebenarnya, yang dimaksudkan oleh objektiviti dalam interpretasi adalah dengan memberi huraian atau bukti seeksplisit yang mungkin, agar interpretasi pengkaji dapat diterima oleh orang lain. Maka, di sinilah kita memerlukan satu bidang ilmu yang objektif sifatnya, yakni linguistik supaya interpretasi pengkaji dapat disertakan dengan bukti yang konkrit.

Seterusnya persoalan yang kedua ialah kualiti subjektif yang terlalu berlebihan. Hal ini ada benarnya kerana makna yang berbeza biasanya dikaitkan dengan pengalaman, latar belakang, dan pendidikan yang berbeza, walaupun kedua-dua penutur menggunakan bahasa yang sama. Jadi, tidak hairanlah jika sesuatu interpretasi itu boleh menjadi sangat subjektif dan sekali gus menjadi alasan yang kuat untuk menolak analisis yang objektif terhadap kajian teks sastera. Walau bagaimanapun, perbezaan pengalaman dan latar belakang ini tidak harus menjadi kekangan kerana pengkaji sekurang-kurangnya menggunakan bahasa dan mengamalkan budaya yang sama. Pengkaji teks sastera boleh menjadikan maklumat ini sebagai asas untuk membuat analisis yang objektif.

ANALISIS STILISTIK

Stilistik sering dikaitkan dengan analisis gaya bahasa teks sastera. Kajian tentang gaya⁸ bahasa biasanya dapat pula menonjolkan identiti pengarang yang tertentu atau “cap ibu jari linguistik” (meminjam istilah Leech dan Short, 1993). “Cap ibu jari linguistik” ini hanya boleh dikenal pasti berdasarkan analisis ciri-ciri linguistik yang tertentu (misalnya perkataan, frasa atau klausa) pada suatu teks yang tertentu. Walau bagaimanapun, haruslah difahami bahawa sebenarnya tiada teknik yang sangat khusus dalam analisis sesuatu teks sastera. Sesuatu analisis itu akan gagal jika kaedah yang digunakan terlalu ketat (Leech *et al.*, 1993: 158). Setiap analisis gaya adalah seperti satu pengembaraan mencari sesuatu, yakni kombinasi pengetahuan

kita tentang bahasa dan tindak balas terhadap teks sastra, sebagai salah satu cara untuk menghargai/menikmati makna sesebuah teks dengan lebih baik.

Selanjutnya, ada ahli stilistik yang mencadangkan bahawa analisis stilistik harus menjadi teras dalam kritikan sastra. Kritikan mengandungi beberapa subbahagian. Ada kritikan yang melihat hubungan antara teks sastra dengan budaya atau latar belakang sejarah. Ada juga kritikan yang mengkaji apakah yang telah berlaku dalam kehidupan dan pengalaman penulis yang menyebabkan ia berkarya dengan cara yang tersendiri dan terhadap subjek yang telah dipilihnya dan berbagai-bagai lagi. Namun kita harus bersetuju bahawa kritikan yang diperlukan ialah pemahaman (*interpretation*) dan penilaian (*evaluation*) yang sebenar terhadap teks yang dikaji. Maka, cadangan untuk meletakkan analisis stilistik sebagai teras atau dasar, nampaknya boleh diterima. Teras analisis stilistik yang boleh dibahagikan kepada tiga bahagian adalah seperti yang berikut:

Deskripsi → Interpretasi → Penilaian

Umumnya, kritikan sastra adalah untuk menilai hasil kesusasteraan, iaitu untuk mengatakan mengapa X baik dan Y tidak baik atau mengapa X lebih baik/bernilai daripada B. Urutan logik sesuatu interpretasi diikuti oleh penilaian. Sesungguhnya, penilaian terhadap sesebuah puisi bersifat relatif bagi interpretasi yang tertentu. Misalnya, jika ada pengkaji yang dapat memberikan interpretasi yang lebih baik terhadap sesebuah karya, ia mampu menghuraikan karya tersebut dengan cara yang lebih memuaskan berbanding percubaan sebelumnya. Maka kecemerlangan estetika (*aesthetic merit*) karya tersebut akan turut meningkat.

Walau bagaimanapun, logik juga jika sesuatu interpretasi itu harus bermula dengan makna (*meaning*) sebelum diikuti oleh penilaian. Maksudnya, sesuatu teks yang dikaji haruslah dibuat deskripsinya terlebih dahulu. Misalnya, untuk memahami sebuah ayat yang mudah “Adik menendang bola”, kita haruslah mampu menghuraikan ayat ini daripada sudut tatabahasa, yakni *Adik* ialah subjek, *menendang* ialah kata kerja transitif dan *bola* ialah objek ayat. Ayat ini sebenarnya tidak mempunyai makna yang menyimpang. Lalu, cuba kita analisis pula ayat yang berikut: “Pagi itu kauajar aku merebut waktu” (Baha Zain, 1980: 66). Di sini, kita harus menyedari bahawa (i) *waktu* ialah “objek kepada kata kerja *merebut*”, dan (ii) secara literal *waktu* tidak boleh direbut. Dalam dunia realiti, kata

kerja *merebut* hanya boleh digandingkan dengan sesuatu benda yang konkrit, misalnya makanan atau gula-gula. Jadi, bolehkah kita menerima klausa ini sebagai sebuah klausa yang bermakna? Jawapannya sudah tentu boleh kerana klausa ini mempunyai makna yang bukan literal. Biasanya kita tidak dapat melakukan analisis ketatabahasa terhadap ayat ini secara eksplisit untuk memperoleh makna klausa ini. Kita sebenarnya hanya mengetahui secara implisit atau intuisi tentang hubungan tatabahasa dengan klausa ini. Sekali gus maklumat ini menjelaskan bahawa selepas membuat satu kesimpulan bahawa klausa ini tidak benar secara literal, maka kita mulalah membina interpretasi bukan literal (misalnya “betapa pentingnya menghargai masa”). Stilistik, oleh itu memberi pertimbangan tentang hubungan antara maklumat linguistik (deskripsi linguistik) yang membawa kepada makna (interpretasi) dengan cara yang eksplisit, yakni semunasabah mungkin. Sesungguhnya, yang benar bagi klausa ini, benar juga bagi teks tersebut. Apabila kita membaca sesebuah teks, kita harus, secara intuisi menganalisis struktur linguistik pada pelbagai tahap (misalnya tatabahasa, bunyi, perkataan, dan struktur yang berkaitan dengan teks) dengan tujuan untuk memahami klausa atau ayat dalam teks tersebut dan hubungan antara klausa/ayat. Tugas ini sebenarnya memperlihatkan bahawa pemahaman kita tentang bentuk linguistik dan makna adalah implisit sifatnya. Walau bagaimanapun, apabila kita membicarakan sesebuah teks sastera, kita harus membincangkan maknanya secara eksplisit. Dalam hal ini, ahli stilistik mencadangkan bahawa deskripsi linguistik dan hubungannya dengan interpretasi harus dibincangkan secara eksplisit, sistematik, dan terperinci (Short, 1996: 5).

Kelebihan melakukan analisis stilistik adalah apabila kita tidak bersetuju dengan makna sesebuah klausa atau sebahagian teks. Kita boleh membuat analisis stilistik untuk membantu kita memutuskan satu interpretasi daripada beberapa interpretasi yang mungkin. Mungkin juga kita akan mendapati lebih daripada satu interpretasi yang dianggap sah, tetapi sukar untuk membuat keputusan bagi masalah interpretasi ini tanpa analisis yang terperinci dan eksplisit. Walau bagaimanapun, kita harus menerima hakikat bahawa ahli stilistik tidak mendakwa bahawa mereka mampu menjelaskan semua makna yang terdapat dalam teks yang dikaji. Pada tahap ini, kita mungkin boleh membezakan kerja pengkritik sastera dengan ahli stilistik. Pengkritik sastera menggunakan contoh daripada sesebuah teks dan kadangkalanya maklumat bahasa teks untuk menyokong pandangan mereka.⁹ Tetapi, contoh yang dikemukakan ini cenderung bersifat selektif berbanding ahli stilistik yang mencuba membuat satu deskripsi yang terperinci dan sistematik dengan maksud tidak selektif.

KESIMPULAN

Makalah ini harus dianggap sebagai perbincangan yang menjurus kepada persoalan memahami analisis stilistik yang sering disalahertikan sebagai penerapan teori linguistik dalam teks sastera dari satu segi dan sekadar menganalisis keindahan (estetik) bahasa dalam teks sastera dari satu segi yang lain. Pandangan yang berbeza ini, sebenarnya atas dasar interpretasi. Memandangkan interpretasi mempunyai kualiti subjektif yang sangat tinggi, maka analisis teks sastera dilihat memerlukan sokongan daripada bidang ilmu lain, misalnya linguistik, agar sesuatu interpretasi itu dapat diperteguh melalui satu analisis yang sistematik. Sejauh mana ilmu linguistik berjaya menyumbang dalam perkembangan analisis stilistik? Yang lebih penting dipersoalkan ialah sejauh manakah penerimaan penganalisis/pengkritik teks sastera akan campur tangan linguistik dalam kajian teks sastera? Jika seseorang itu boleh menerima campur tangan linguistik dalam analisis teks sastera, maka persoalan subjektiviti dan objektiviti akan dapat difahami secara lebih baik.

NOTA

- 1 Formalisme Rusia yang muncul pada sekitar tahun 1914 dianggotai oleh beberapa penuntut linguistik yang berminat terhadap teks sastera, dan antara yang paling terkenal ialah Roman Jacobson. Pada dasarnya, aliran ini menerapkan ilmu linguistik dalam analisis teks sastera, yakni analisis dari segi bunyi, imejan, rentak, sintaksis, meter, dan rima. Aliran ini memerlukan input linguistik dalam analisisnya terhadap teks kerana bahasa tulisan 'moden' biasanya agak sukar difahami maksudnya. Oleh itu, ilmu linguistik diharapkan akan dapat membantu mereka memahami bahasa teks sastera dengan lebih. Namun begitu, aliran formalis sebenarnya tidak mempunyai teori bahasa yang maju dan amat mementingkan bentuk. Persoalan tiadanya teori bahasa yang khusus ini, telah berjaya diatasi apabila linguistik berkembang sebagai satu bidang ilmu yang mantap, khususnya pada akhir tahun 1950-an dan awal tahun 1960-an. Penerapan ilmu linguistik terhadap analisis teks sastera semakin berkembang khususnya pada sekitar tahun 1980-an. Hubungan yang sedia wujud antara linguistik dan kesusasteraan ini menjadi dalil yang kuat bahawa ilmu stilistik berkembang daripada ilmu kritikan sastera.
- 2 Dalam konteks di Malaysia, beberapa pengkaji bahasa seperti Asraf dan Awang Sariyan pernah mengkaji teks sastera. Walau bagaimanapun, analisis yang dilakukan ini lebih merupakan penerapan peraturan tatabahasa atau lebih tepat menganalisis kesalahan penggunaan bahasa dalam teks sastera. Rahman

Shaari (1994:13) pernah menyebut bahawa:

“Aspek bahasa yang disentuh oleh Asraf dalam kupasannya bukanlah aspek stilistika, tetapi aspek peraturan bahasa, kerana Asraf sejak tahun 1950-an memang mempunyai minat yang besar dalam bidang tatabahasa.”

Awang Sariyan juga ada melakukan analisis penggunaan bahasa terhadap karya sastera. Tajuk kertas kerjanya “Tatabahasa dalam Karya Sastera: persoalan dan penerapan” (1982), menjelaskan lagi hakikat ini. Kajiannya mendapati bahawa Anwar Ridhwan dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* ada meninggalkan imbuhan *meN-*, yakni sebagai penanda kata kerja transitif.

- 3 Untuk maklumat lanjut, lihat Ronald Carter (1989: 10–12).
- 4 Bagi memahami perbezaan antara peranan stilistik dengan linguistik, beberapa pandangan Lutfi Abas (1988: 210) mungkin dapat membantu kita. Pertama, bahan kajian stilistik hanyalah karya sastera (sebenarnya kajian stilistik juga boleh dilakukan terhadap bahan bukan sastera, cuma kurang dilakukan), manakala bahan kajian linguistik merangkumi bahan sastera dan bukan sastera. Kedua, tujuan stilistik adalah untuk mendapatkan atau membuktikan ciri-ciri keindahan yang universal dari segi bahasa dalam sesebuah karya itu, manakala tujuan linguistik adalah untuk mendapatkan atau membuktikan konsep bahasa dalam sesebuah bahasa. Ketiga, matlamat stilistik bertujuan agar pengkritik sastera boleh menerangkan keindahan bahasa sastera dengan menunjukkan secara kuantitatif keselarasan penggunaan ciri-ciri keindahan bahasa yang universal, membimbing pembaca menikmati karya sastera dengan lebih baik, dan membimbing para sasterawan memperbaiki atau meninggalkan mutu karya sastera, manakala matlamat linguistik adalah supaya ahli bahasa boleh membuat aturan tatabahasa dengan menggunakan konsep bahasa yang sedia ada.
- 5 Dalam makalah ini, penulis mentakrifkan bidang sains berdasarkan pembahagian yang dicadangkan oleh Herbert L. Searles, yakni sains formal (seperti kimia, fizik, dan biologi) dan sains sosial. Sains formal amat mementingkan ciri-ciri sistematik, rasional, empirik, dan eksperimental. Sementara kelompok yang kedua ialah sains sosial, yang boleh dipecahkan pula kepada sains ilmu alam, ilmu sosial, dan ilmu kemanusiaan. Ilmu alam disebut juga *natural sciences*, yakni termasuklah geologi, biologi, kedokteran, dan farmasi. Ilmu sosial (*social science*) membincangkan ilmu hukum, ekonomi, sosiologi, antropologi budaya dan sosial, sejarah, politik, pendidikan, dan sebagainya. Ilmu kemanusiaan (*humanities studies*) pula membicarakan aspek agama, falsafah, bahasa, seni, jiwa, dan lain-lain yang

berhubungan dengannya. Untuk maklumat lanjut, lihat Endang Saifuddin Anshari (1982: 39–71).

- 6 Lihat Endang Saifuddin Anshari (1982:64) yang memetik pandangan Profesor Harsojo tentang konsep ilmu pengetahuan yang tidak pernah mutlak atau objektif sifatnya:
 “Bahawa kebenaran ilmiah itu tidaklah absolut dan final sifatnya. Kebenaran ilmiah selalu terbuka untuk peninjauan kembali berdasarkan atas adanya fakta-fakta baru yang sebelumnya tidak diketahui.”
- 7 Bidang sastera dalam konteks ini bermaksud ilmu pengetahuan tentang sastera, khususnya ilmu mengkritik atau menganalisis teks sastera. Konsep sastera ini harus disempitkan kerana erti sastera (*arts*) itu amat luas bidangnya, yang mencakupi ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan.
- 8 Leech dan Short (1993: 73–109), telah menganalisis tiga teks yang sama panjang dan masing-masingnya adalah bahagian awal cerpen karya beberapa pengarang Inggeris, iaitu Joseph Conrad, D.H. Lawrence, dan Henry James. Mereka menggunakan senarai penguji kategori linguistik dan stilistik bagi menemukan penanda gaya yang paling penting dalam setiap petikan.
- 9 Lihat kritikan penulis terhadap beberapa pengkritik sastera di Malaysia yang mengkaji puisi berdasarkan pendekatan formalistik, yakni pendekatan yang menekankan aspek bentuk teks dan kadangkalanya bersifat selektif. Dalam makalah “Perspektif Pengajaran Bahasa Sastera Berdasarkan Maklumat Linguistik Bagi Menghadapi Alaf Baru”, Penulis mencadangkan agar analisis stilistik dapat menggantikan pendekatan formalistik.

RUJUKAN

- Baha Zain, 1980. *Tiga Catatan Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carter, R. 1989. “Directions in the Teaching and Study of English Stylistics”, dlm. Short, M. (ed.), *Reading, Analysing & Teaching Literature*. London: Longman.
- Eagleton, Terry, 1988. *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan*. (ptj.) Muhammad Hj. Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endang Saifuddin Anshari, 1982. *Sains Falsafah dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn, (ed.), 1982. *Stilistik: Simposium Keindahan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Jefferson, Ann dan Robey, David, (ed.), 1988. *Teori Kesusasteraan Moden*. (ptj.) Mokhtar Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. 1991. *A Linguistic Guide to English Poetry*. London: Longman.
- Leech, G. dan Short, M. 1991. *Style in Fiction*. London: Longman.
- Leech, G. dan Short, M. 1993. *Gaya dalam Cereka*. (ptj.) Umar Junus. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. Deuchar, M. dan Hoogenraad, R. 1993. *English Grammar for Today: A New Introduction*. London: MacMillan Press.
- Lutfi Abas, 1988. "Stilistik dan Gunanya bagi Peningkatank Teknik Bercerita dalam Karya Sastera Kita," dlm. Hamzah Hamdani (ed.), *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Hlm. 207–225. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. "Perspektif Pengajaran Bahan Sastera Berdasarkan Maklumat Linguistik bagi Menghadapi Alaf Baru". Kertas kerja yang Dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Kebangsaan: Teknologi dalam Pengajaran Pembelajaran di Alaf Baru, pada 7–9 Mei di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rahman Shaari, 1994. *Kritikan Sastera Melayu: Pendekatan dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Short, M. (ed.), 1989. *Reading, Analysing and Teaching Literature*. London: Longman.
- Short, M. 1996. *Exploring the Language of Poems, Plays and Prose*. London: Longman.
- Teeuw, A. 1992. *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thorndorow, J. dan Wareing, S. 1998. *Patterns in Language: An Introduction to Language and Literary Style*. London: Routledge.
- Umar Junus, 1989. *Stilistik: Satu Pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wales, K. 1991. *A Dictionary of Stylistics*. London: Longman.
- Widdowson, H.G. 1987. "On the Interpretation of Poetic writing", dlm. Fabb, N., Derekatridge, Durant, A. dan Maccabe, C. (ed.), *The Linguistics of Writing: Arguments Between Language and Literature* hlm. 241–251. Manchester: Manchester University Press.